Daud bin Mamat dan lain-lain lwn Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan satu lagi

MAHKAMAH RAYUAN (KUALA LUMPUR) — RAYUAN-RAYUAN SIVIL NO D–02–257 TAHUN 2001, NO D–02–258 TAHUN 2001, NO D–02–259 TAHUN 2001 DAN NO D–02–260 TAHUN 2001

ABDUL HAMID MOHAMAD, ABDUL KADIR SULAIMAN DAN ALAUDDIN HHMR

2 OGOS 2002

Undang-Undang Sivil *— Perisytiharan — Permohonan untuk — Hak kebebasan beragama — Ketiga-tiga kategori perisytiharan terlalu umum — Sama ada tugas mahkamah adalah untuk mengkaji semua undang-undang persekutuan dan negeri untuk menentukan keberperlembagaannya — Sama ada perisytiharan-perisytiharan tersebut pra masa dan satu usaha untuk menggagalkan pertuduhan baru yang belum dibicarakan*

Rayuan-rayuan ini berbangkit daripada permohonan perayu-perayu untuk mendapatkan perintah-perintah perisytiharan (atau deklarasi) yang dibuat di Mahkamah Tinggi berasaskan fakta yang sama dengan fakta dalam rayuan-rayuan habeas corpus mereka. Permohonan mereka telah ditolak oleh hakim Mahkamah Tinggi. Mereka merayu ke Mahkamah Rayuan. Peguam perayu-perayu telah menegaskan bahawa perayu-perayu tidak meminta Mahkamah Rayuan mengisytiharkan bahawa mereka bukan orang Islam kerana mereka berhak menganut apa sahaja agama yang mereka hendak anuti. Beliau membahagikan perisytiharan yang dipohon kepada tiga iaitu: (i) perisytiharan mengenai hak perayu-perayu berkenaan kebebasan beragama; (ii) perisytiharan bahawa undang-undang persekutuan dan negeri yang bercanggah dengan perkara 11 Perlembagaan Persekutuan ('perkara 11') adalah tak sah; dan (iii) perisytiharan bahawa undang-undang persekutuan dan negeri yang mengganggu hak mereka untuk keluar daripada agama Islam tak sah.

Diputuskan, menolak rayuan-rayuan tersebut:

(1) Ketiga-tiga kategori perisytiharan yang dipohon seperti yang disebut itu adalah terlalu umum. Bukanlah tugas mahkamah untuk mengkaji semua undang-undang persekutuan dan negeri untuk menentukan keberperlembagaannya atas alasan ia bercanggah dengan perkara 11 seperti seorang penyelidik. Tugas Mahkamah adalah untuk memutuskan kes di hadapannya, berdasarkan fakta yang dikemukakan kepadanya dan undang-undang yang berkaitan (lihat ms 731F–H).

(2) Memandangkan kepada adanya pertuduhan baru yang masih belum dibicarakan dan perisytiharan-perisytiharan yang mereka pohon, adalah satu usaha untuk menggagalkan (pre-empt) pertuduhan itu. Mahkamah Rayuan bersetuju dengan Mahkamah Tinggi bahawa adalah 'premature' baginya membuat perisytiharan yang akan memberi kesan kepada perjalanan kes-kes itu (lihat ms 731H–732A).

A **[English summary**

These appeals arose from the appellants' applications for declaratory orders (or declarations) made in the High Court based on the same facts as those in their habeas corpus appeals. Their applications were dismissed by the High Court judge. They appealed to the Court of
B Appeal. Counsel for the appellants averred that his clients did not ask the court to declare they were not of the Muslim faith because they had the right to embrace whichever religion they wished. He divided the declaration sought into three categories, ie: (i) a declaration on the appellants' right on the freedom of religion; (ii) declaration that state and federal laws contravening art 11 of the Federal Constitution ('art
C 11') were invalid; and (iii) declaration that state and federal laws encroaching upon their right to abandon the Muslim religion were invalid.

Held, dismissing the appeals:

D

(1) The three categories of declaration sought as mentioned were too general. The court's duty was not like that of a researcher to review all state and federal laws in order to decide their constitutionality on the ground they contravened art 11. The court's duty was to decide cases before it, based on the facts
E adduced and relevant laws (see p 731F–H).

(2) In view of the fact there was a fresh charge that was not yet tried and the declarations the appellants sought, it was an attempt to pre-empt the charge. The court concurred with the High Court that it was 'premature' for it to make a declaration that would
F influence the progress of the cases (see pp 731H–732A).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai undang-undang persekutuan dan negeri, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-
G perenggan 1947–1963.

Undang-undang yang dirujuk

Perlembagaan Persekutuan perkara 11

H *Haris Ibrahim* (*Mohana Kumar* dan *Jahaberdeen Md Yunos* bersama beliau) (*Haris & Co*) bagi pihak perayu.

Jalaldin Hussain (Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan) bagi pihak responden pertama.

Azhar Mohamad (*Alice Loke* bersama beliau) (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden kedua.

I

Abdul Hamid Mohamad HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah): Seperti yang disebut dalam penghakiman saya dalam empat

lagi rayuan-rayuan berkaitan No D–01–12–01, D–01–13–01, D–01–14–01, D–01–15–01 ('rayuan-rayuan habeas corpus tersebut'), keempat-empat rayuan ini adalah oleh empat orang perayu yang sama. Rayuan-rayuan ini berbangkit daripada permohonan mereka untuk mendapatkan perintah-perintah perisytiharan (atau deklarasi) yang dibuat di Mahkamah Tinggi berasaskan fakta yang sama dengan fakta dalam rayuan-rayuan habeas corpus tersebut. Permohonan mereka telah ditolak oleh Hakim Mahkamah Tinggi. Mereka merayu ke mahkamah ini.

Saya tidak akan mengulangi fakta-fakta kes ini. Rujukan kepadanya, jika perlu, hendaklah dibuat kepada penghakiman dalam rayuan-rayuan habeas corpus tersebut.

Perintah-perintah yang dipohon itu adalah seperti berikut:

1 deklarasi bahawa plaintif mempunyai hak yang mutlak dan bebas untuk menganuti ('profess') dan mengamalkan agama pilihannya di bawah perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan;

2 deklarasi bahawa perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan mempunyai keutamaan ke atas dan akan mengatasi mana-mana undang-undang persekutuan atau enakmen-enakmen negeri berkenaan dengan perkara pengakuan dan pengalaman agama pilihan plaintif;

3 deklarasi bahawa hak mutlak dan bebas plaintif di bawah perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan untuk menganuti ('profess') dan mengamalkan agama pilihannya adalah ditentukan oleh plaintif sendiri dan bukan oleh atau tertakluk kepada perisytiharan dan/atau pengesahan mana-mana individu, badan, mahkamah dan/atau pihak yang lain;

4 deklarasi bahawa peruntukan-peruntukan dalam mana-mana undang-undang persekutuan atau enakmen-enakmen negeri atau mana-mana peraturan-peraturan termasuk tetapi tidak terhad kepada Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 (selepas ini dirujuk sebagai 'Enakmen tersebut') dan khususnya peruntukan Seksyen 2 Enakmen tersebut berkenaan definasi 'orang Islam' yang tidak mengiktirafkan perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan atau adalah bertentangan dengannya, adalah tidak sah;

5 deklarasi bahawa mana-mana undang-undang persekutuan dan enakmen-enakmen negeri berkenaan dengan agama Islam ke atas plaintif termasuk tetapi tidak terhad kepada Enakmen tersebut dan mana-mana enakmen kanun jenayah syariah adalah tidak terpakai kepada plaintif kerana plaintif telah mengisytiharkan dirinya tidak lagi menganuti (profess) dan mengamal (practise) agama Islam selaras dengan perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan;

6 deklarasi bahawa peruntukan dalam Enakmen tersebut atau mana-mana undang-undang persekutuan dan/atau enakmen-enakmen negeri, sekiranya ada, yang kononnya memberi kuasa atau bidangkuasa kepada Mahkamah Syariah untuk menentukan sama ada plaintif telah keluar dari agama Islam atau mengkehendaki suatu deklarasi dari Mahkamah Syariah sebagai pra-syarat sebelum plaintif dapat atau dianggap telah keluar dari agama Islam adalah bertentangan dengan perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan.

7 deklarasi bahawa peruntukan-peruntukan dalam mana-mana undang-undang persekutuan atau enakmen-enakmen negeri atau mana-mana

peraturan-peraturan termasuk tetapi tidak terhad kepada Enakmen tersebut yang menyekat atau melarang atau yang mengenakan syarat-syarat terhadap dan ke atas hak mutlak plaintif sendiri untuk mengisytiharkan dirinya tidak lagi menganuti (profess) dan mengamal (practise) agama Islam adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan khususnya perkara 11(1) dan adalah tidak sah;

8 berlanjutan dengan perintah (1) hingga (7) di atas, deklarasi bahawa berdasarkan Perlembagaan Persekutuan khususnya perkara 11(1), defendan pertama dan kedua atau mana-mana yang bertindak di bawah mereka tidak berhak mengenakan atau menentukan apa-apa syarat atau pra-syarat sebelum plaintif dapat atau dianggap terkeluar dari agama dan kepercayaan Islam.

9 perintah bahawa defendan-defendan memasukkan atau mencatatkan dalam rekod dan/atau buku-buku pendaftaran yang lain yang disimpan oleh defendan-defendan (sekiranya ada) bahawa plaintif telah keluar dari atau telah meninggalkan agama dan kepercayaan Islam dan/atau bahawa plaintif tidak lagi menganuti (profess) dan mengamal (practise) agama Islam;

10 lain-lain perintah yang difikirkan perlu atau sesuai oleh mahkamah yang mulia ini; dan

11 kos.

Permohonan 9 telah ditarik balik.

Di awal hujah peguam perayu-perayu, beliau menegaskan bahawa perayu-perayu tidak meminta mahkamah ini mengisytiharkan bahawa mereka bukan orang Islam kerana mereka berhak menganut apa sahaja agama yang mereka hendak anuti. Beliau membahagikan perisytiharan yang dipohon oleh perayu-perayu kepada tiga kategori. Pertama, perisytiharan mengenai hak mereka berkenaan kebebasan beragama. Kedua, perisytiharan bahawa undang-undang persekutuan dan undang-undang negeri yang bercanggah dengan perkara 11 Perlembagaan Persekutuan adalah tak sah. Ketiga, perisytiharan bahawa undang-undang persekutuan dan undang-undang negeri yang mengganggu (interferes) hak mereka untuk keluar daripada agama Islam tak sah.

Pada pandangan saya, ketiga-tiga kategori perisytiharan yang dipohon seperti yang disebut itu adalah terlalu umum. Bukanlah tugas mahkamah untuk mengkaji semua undang-undang persekutuan dan negeri untuk menentukan keberpelembagaannya atas alasan ia bercanggah dengan perkara 11 Perlembagaan Persekutuan seperti seorang penyelidik (researcher). Tugas mahkamah adalah untuk memutuskan kes di hadapannya, berdasarkan fakta yang dikemukakan kepadanya dan undang-undang yang berkaitan. Perayu-perayu pun bukan datang ke mahkamah untuk belajar undang-undang. Melalui permohonan-permohonan habeas corpus mereka mahu dibebaskan daripada tahanan. Melalui permohonan-permohonan ini, memandangkan kepada adanya pertuduhan baru yang masih belum dibicarakan dan perisytiharan-perisytiharan yang mereka pohon, khususnya 'prayer' kelima (bahawa semua undang-undang persekutuan dan negeri berkenaan dengan agama Islam tidak terpakai kepada mereka kerana mereka telah mengisytiharkan bahawa mereka tidak

lagi menganuti dan mengamal agama Islam) adalah satu usaha untuk menggagalkan (pre-empt) pertuduhan itu. A

Saya bersetuju dengan hakim Mahkamah Tinggi bahawa adalah 'premature' baginya membuat perisytiharan yang akan memberi kesan kepada perjalanan kes-kes itu.

Mengenai peruntukan-peruntukan undang-undang setakat yang berkenaan, ia telahpun dibincangkan dengan panjang lebar dalam penghakiman mengenai rayuan-rayuan habeas corpus tersebut. Ianya terpakai dalam rayuan-rayuan ini dan tidaklah perlu diulangi. B

Kesimpulannya, rayuan-rayuan ini juga patut ditolak.

Saudara-saudara saya, Abdul Kadir Sulaiman HMR dan Alauddin HMR telah membaca penghakiman ini dan bersetuju dengannya. C

Rayuan-rayuan ini ditolak dengan kos kepada responden-responden. Deposit hendaklah dibayar kepada responden-responden untuk kos.

Rayuan-rayuan ditolak.

D

Dilaporkan oleh Zahid Taib

E

F

G

H

I